

26 OCT 1996

NCWO-Memorandum

NCWO KEMUKA MEMORANDUM MENGENAI POLIGAMI KEPADA PM

PETALING JAYA, 26 Okt (Bernama) -- Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) akan mengemukakan memorandum tidak puas hati kepada Perdana Menteri berhubung pindaan Enakmen Keluarga Islam Negeri Selangor yang membenarkan lelaki berpoligami tanpa kebenaran bertulis daripada isteri.

Presidennya Datin Paduka Hajah Zaleha Ismail berkata, memorandum itu telah siap dan hanya menunggu masa untuk diserahkan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau yang juga Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, bagaimanapun enggan memberitahu isi kandungan memorandum itu dan berkata, ianya mengandungi pandangan dan hujah NCWO berhubung perkara itu untuk tindakan Dr Mahathir.

"NCWO percaya Perdana Menteri sebagai seorang yang prihatin terhadap pembangunan sosial wanita akan mengambil tindakan sewajarnya," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat NCWO, di sini, hari ini.

Ditanya sama ada memorandum itu merupakan bantahan, beliau berkata: "Saya tidak kata ianya bantahan tetapi rasa tidak puas hati dengan perkara itu dan bimbang mengenai implikasinya terhadap kaum wanita". --

Katanya, pada mesyuarat itu, NCWO juga bersetuju menubuhkan satu jawatankuasa yang akan menjalankan penyelidikan mengenai bilangan wanita di negara ini yang berkahwin dengan pekerja asing untuk di kemukakan kepada kerajaan.

Hasil penyelidikan itu diharapkan akan dapat membantu kerajaan mengambil keputusan yang sewajarnya mengenai perkara itu, katanya.

NCWO juga mengucapkan terima kasih kepada Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana Belanjawan 1997 yang dibentangkan semalam mengambil kira pembangunan wanita, katanya.

Beliau berkata, Belanjawan 1997 meluluskan peruntukkan RM50 juta kepada usaha-usaha pembangunan wanita dan RM52 juta untuk institusi keluarga. --

BERNAMA

RHM PR